

Pendekatan Aleatorik dalam Penciptaan Komposisi Muzik Moden dan Muzik Klasikal

(Aleatoric Approach in Modern and Classical Music Composition)

Farhan Izzudin James Narte¹ & Kamarulzaman Mohamed Karim²
Management and Science University, Malaysia¹, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia²
e-mel: farhan_izzudin@msu.edu.my¹, kamarulzaman.mk@fmsp.upsi.edu.my²

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mencipta karya komposisi muzik dengan menggunakan pendekatan kaedah penciptaan komposisi muzik yang berbentuk Aleatorik. Kaedah penciptaan ini merupakan sebuah kaedah yang mula digunakan sejak akhir abad ke-15. Kemudian, kaedah Aleatorik ini mula diperkenalkan sebagai salah satu teknik penciptaan karya komposisi muzik yang sering digunakan oleh komposer-komposer terkenal pada abad ke-20 dan sehingga kini. Dalam kaedah Aleatorik ini, berbagai medium yang digunakan didalam penghasilan karya tetapi untuk kajian ini, penggunaan dua butir dadu akan digunakan sebagai medium. Kajian ini juga akan menghasilkan karya komposisi Aleatorik di dalam gabungan gaya muzik Klasikal dan gaya muzik Moden. Karya-karya yang terhasil di dalam kajian ini adalah dengan menggunakan dua butir dadu untuk memilih melodi, tanda nada, tanda masa, pemilihan alat muzik utama dan durasi karya. Karya-karya di dalam kajian ini juga menggabungkan gaya muzik moden dan gaya muzik klasikal. Gabungan kedua gaya muzik ini merupakan konsep sampingan yang menjadi teras di dalam penciptaan karya untuk kajian ini. Kajian ini juga menerangkan tentang proses-proses pengkaryaan yang menggunakan kaedah Aleatorik serta mengenalpasti pendekatan Aleatorik yang sesuai untuk diterapkan kedalam karya komposisi muzik. Implikasi kajian ini, mengelakkan sekatan idea kreativiti seseorang pengkarya didalam penghasilan karya serta memupuk semangat para pengkarya untuk terus mencipta karya yang kreatif dan berinovatif.

Kata kunci: aleatorik, komposisi muzik, muzik klasikal, muzik moden, notasi, rambang, simbol

Abstract

The aim of this study is to create a music composition using the Aleatoric method of music composition. This method has been in use since late 15th century. The Aleatoric method was introduced as one of the composition techniques frequently used by renowned composers in the 20th century and continues to be used today. In the Aleatoric method, various mediums are employed in the creation of the composition work, but for this study, the use of two dice will be employed as the medium. The study will also produce an Aleatoric composition combining Classical and Modern music style. The composition in this research uses a pair of dice to choose the melody, time signature, key, highlighted instrument and the duration of

the composition. All the composition in this research also combined a modern music style and classical music style. The fusion of these two music style is a central concept in the creation of a work for this study. The study will explain the creative processes using the Aleatoric method and identify the suitable Aleatoric approaches to be able to applied in music composition. The implications of this study include avoiding restriction on the creative ideas of a composer in producing a work and fostering the spirit of creators to continue crafting a creative and innovative works.

Keywords: aleatoric, classical music, composition, modern music, random, symbol notation

Pengenalan

Kajian ini akan meneliti kaedah pembikinan karya komposisi muzik aleatorik sebagai salah satu pendekatan alternatif dalam penciptaan sesebuah karya. Muzik aleatorik yang mula digunakan sejak akhir abad ke-15 sehingga teknik ini di perkenalkan dengan pelbagai inovasi dari komposer-komposer yang terkenal pada abad ke-21. Saya sebagai pengkaji akan menyelami maklumat-maklumat yang berkaitan, serta mengemukakan maksud dan istilah muzik aleatorik dalam penciptaan sesebuah karya. Dalam kajian ini juga, saya akan menghuraikan latar belakang pengkaryaan, pencetusan inspirasi dan motivasi penciptaan, dan bagaimana keaslian idea diserlahkan dalam perspektif karya komposisi. Rangkuman berkenanan inspirasi dan motivasi yang di dalamnya terkandung imaginasi tentang idea kreatif, proses dan konsep kreativiti dalam penghasilan karya komposisi juga saya akan terangkan secara ringkas.

Disamping itu, penelitian terhadap maksud, definisi dan istilah sesebuah kaedah penciptaan komposisi muzik yang berlandaskan konsep tertentu menjadi cabaran utama dalam kajian saya ini. Ramai komposer dahulu dan sekarang telahpun menggunakan serta mengaplikasikan pelbagai jenis cara dan kaedah penciptaan karya komposisi muzik kedalam karya mengikut kreativiti mereka sendiri. Dalam pembikinan muzik aleatorik ini, teknik serta aspek utama iaitu rambang dan rawak perlu di utamakan dan dipraktikan secara ketara dalam karya komposisi. Kreativiti yang rambang serta rawak akan mencetuskan idea dan semangat saya dalam membuat kajian ini. Justeru, penghasilan karya kreatif saya dalam kajian ini akan berteraskan definisi aleatorik iaitu rambang dalam sudut muzikaliti yang berbeza dan tidak statik.

Imaginasi Idea Kreatif

Dalam kajian ini, saya akan menggunakan konsep aleatorik sebagai konsep utama manakala konsep muzik moden dan muzik klasikal sebagai konsep sampingan. Sebagai medium atau alat penentu aleatorik, saya akan menggunakan dua buah dadu bagi menghasilkan sebuah karya komposisi muzik yang mempunyai unsur rambang, ketidaktentuan dan rawak. Sebagai contoh, saya akan mencipta beberapa keratan melodi di dalam empat bar dan setiap keratan melodi itu akan ditanda dan dilabelkan dengan menggunakan nombor yang mewakili setiap jumlah nombor pada dadu. Selepas itu, saya akan membaling dua buah dadu dan nombor hasil balingan

tersebut akan menjadi tanda kepada keratan melodi yang mana akan dimasukkan kedalam komposisi. Bagi menyokong kehadiran unsur aleatorik di dalam komposisi saya, elemen muzik seperti tempo, motif, phrasing, scale, time signature dan durasi komposisi juga akan ditentukan dengan menggunakan dadu.

Kaedah aleatorik yang menggunakan dadu ini akan menjadi idea utama penghasilan karya komposisi muzik saya. Namun begitu, unsur aleatorik ini tidak akan digunakan sepanjang komposisi malah akan digunakan di beberapa bahagian sahaja seperti intro, verse, chorus, atau mungkin juga outro. Pemilihan bahagian yang menggunakan unsur aleatorik ini akan ditentukan juga dengan menggunakan dadu yang semestinya akan menghasilkan keputusan yang rawak. Dalam kajian ini, karya komposisi yang akan di hasilkan secara keseluruhan adalah bergantung kepada saya sebagai komposer untuk membalik dadu secara rawak. Walaubagaimana pun, ada juga beberapa komposer sebelum ini telah menyerahkan tanggungjawab kepada pemain untuk mempersembahkan karya komposer tersebut dengan memainkan not atau melodi pada alat muzik mereka secara rawak dan rambang pada beberapa bahagian tertentu.



Rajah 1. Rajah ini menunjukkan salah satu contoh teknik penghasilan komposisi saya dalam kajian ini dengan melabelkan 11 keratan 4 bar melodi.

Ini merupakan salah satu contoh keratan melodi yang sudah di labelkan dengan nombor sebagai panduan kepada hasil balingan dua butir dadu. Saya percaya bahawa kaedah pembikinan dan penghasilan karya komposisi muzik aleatorik telah di adaptasi dengan pelbagai cara yang berbeza oleh para pengkarya dan komposer yang terdahulu.

Penerapan gaya muzik moden dan klasikal boleh dilihat daripada penggunaan alat muzik serta stuktur dan gubahan muzik. Gaya muzik moden secara tidak sengaja telahpun mengambil konsep aleatorik sebagai pendekatan sampingan dalam penciptaan komposisi. Seperti contoh, solo gitar yang terletak begitu rambang di dalam komposisi. Selain itu, cara pemain yang memainkan alat muzik dengan

cara yang berbeza daripada biasa merupakan salah satu definisi aleatorik yang jelas. Disamping itu, alat muzik strings akan menjadi salah satu simbolik dan mewakili gaya muzik klasik yang terdapat dalam komposisi saya.

Konsep Aleatorik

Secara umumnya konsep komposisi saya berlandaskan unsur rambang dan rawak. Selaras dengan istilah aleatorik, proses dan hasil penciptaan komposisi bergantung kepada ketidaktentuan yang akan dihasilkan daripada maksud aleatorik itu sendiri iaitu melalui dadu dan bebas. Walaubagaimana pun, konsep kaedah Aleatorik di dalam kajian komposisi saya ini juga akan mengambil pendekatan improvisasi bagi mengukuhkan lagi terma ketidaktentuan dan rambang sejajar dengan maksud konsep kajian ini. Improvisasi merupakan fenomena yang terhasil daripada penggunaan aleatorik. Improvisasi bermaksud melakukan sesuatu tanpa persediaan. Improvisasi adalah bahagian penting dan menarik dari minda kreatif seseorang. Ciri, kaedah dan tekniknya yang tersendiri bergantung pada arah khusus kreativiti atau sifat keperibadian. (Cultureoeuvre, 2022).

Untuk kajian ini, konsep rambang dan ketidaktentuan akan saya kukuhkan lagi dengan mengambil pendekatan seperti improvisasi serta not-not spontan yang terhasil daripada alat muzik, percakapan, perbuatan mahupun persekitaran. Akan ada bermacam-macam bunyi yang rambang dan rawak terselit pada karya komposisi dan itu adalah salah satu pendekatan yang saya ambil bagi menyerlahkan asas serta tujuan konsep untuk kajian ini. Hal ini merujuk kepada komposisi John Cage bertajuk 4:33 yang mengambil secara langsung tentang istilah kaedah aleatorik. Beliau mencipta komposisi aleatorik yang dianggap sebagai bebas dan tidak mempunyai persediaan serta mempunyai metafor tersendiri dalam perubahan yang mampu membangkitkan rasa untuk berfikir secara luar kotak.

Begitu juga dengan komposisi Stockhausen bertajuk Klavierstück XI. Dalam karya ini, beliau telah menulis not-not muzik dalam unsur rambang dan memberikan peluang kepada pemain untuk memilih serta menentukan permulaan komposisi. Dengan cara itu, istilah kaedah aleatorik itu lebih jelas dengan membawa maksud yang bebas dan diberikan kepada pemain persembahan secara rambang.

Dalam kajian karya komposisi saya ini, runut-runut bunyian yang rambang terhasil dengan menggunakan dadu serta ketidaktentuan yang bebas di beberapa bahagian dalam komposisi. Unsur rambang itu hadir dengan perubahan yang sangat signifikan dan jelas pada melodi, tempo, bentuk ritma, dan cara sesuatu alat muzik yang dimainkan oleh pemain. Penghasilan karya komposisi yang berlandaskan konsep seperti Aleatorik ini lebih mencabar bagi saya kerana melodi rambang dan rawak yang dihasilkan daripada balingan dadu itu yang akan diletakkan kedalam komposisi akan berbeza daripada motif asal komposisi. Motif adalah salah satu kekuatan utama yang bertindak sebagai fungsi terhasilnya sesebuah karya komposisi itu. Perubahan motif itu amat ketara kerana berbalik kepada konsep asal yang rambang dan rawak menampilkan perbezaan antara melodi utama sebagai motif dan melodi pilihan hasil daripada balingan dadu.

Konsep Muzik Moden dan Muzik Klasikal

Secara dasarnya, komposisi saya menggunakan gabungan dua gaya muzik sebagai konsep iaitu muzik moden dan klasikal. Kedua gaya muzik ini merupakan elemen muzik yang berkait rapat dengan merangkumi konsep aleatorik secara teori serta amali. Muzik moden yang muncul pada era modenisme merupakan muzik yang sudah menjalani perubahan sejajar dengan peredaran masa. Terdapat beberapa cabang muzik yang terhasil di dalam muzik moden antaranya, Jazz, Rock, Blues dan bermacam-macam lagi. Saya sememangnya membesar dan meminati gaya muzik moden dan kecintaan kepada muzik ini membuatkan komposisi saya akan menjurus kearah Rock dan Blues.

Komposer-komposer zaman moden juga telah berjaya menyuntik unsur aleatorik kedalam karya mereka dengan menggunakan peranti-peranti moden. Bukan itu sahaja, malah ada yang mengubah suai alat muzik agar kehadiran aleatorik itu boleh lihat bukan sahaja secara dalaman malahan luaran juga. Seperti contoh John Cage yang mengubahsuai Piano untuk menghasilkan bunyi yang rambang.

Untuk komposisi ini, saya akan mengambil cabang-cabang muzik moden ini sebagai tiang yang mengukuhkan pemilihan konsep gaya muzik asal. Dalam cabang-cabang muzik moden ini sendiri, terdapat ramai komposer zaman moden yang telahpun menggunakan unsur aleatorik kedalam komposisi mereka. Proses yang mereka gunakan telah diolah tetapi masih mengadaptasi istilah dan maksud sebenar aleatorik iaitu rambang dan ketidaktentuan.

Selain muzik moden, gaya muzik klasikal juga menjadi konsep sampingan yang hadir didalam komposisi saya. Muzik klasikal merupakan sebuah muzik yang sering didengari dan dimainkan oleh rakyat di Eropah. Dalam komposisi ini, rangkaian melodi rambang yang saya hasilkan akan lebih mudah dikenalpasti seiring dengan fenomena yang berlaku pada muzik era klasikal. Hal ini berlaku kerana melodi-melodi pada era klasikal amat mudah untuk dihadam. Melodi yang para pengkarya pada zaman itu hasilkan merupakan melodi yang mudah untuk didengari dan dinyanyikan oleh rakyat.

Gaya muzik ini adalah dirujuk seperti simfoni, dan muzik orkestra. Persembahan muzik seperti *Strings Quartet*, *Chamber orchestra*, *Piano Sonata* dan *Opera Music* merupakan jenis pertunjukan muzik pada era klasikal. Persembahan muzik era Klasikal ini mampu melahirkan konsep yang berkait rapat dengan konsep aleatorik. Seperti contoh, karya komposisi Karlheinz Stockhausen bertajuk *Klavierstück XI* merupakan sebuah siri *Piano Sonata* yang dihasilkan dengan mengambil unsur rambang dan rawak. Pada zahirnya, istilah aleatorik itu dicipta oleh beliau namun beliau memberikan peluang kepada pemain persembahan untuk memainkan karya tersebut secara bebas.

Justeru itu, Komposisi saya ini akan menghasilkan persembahan muzik seperti *Strings Quartet* atau *Piano Sonata* yang digabungkan dengan cabang gaya muzik moden seperti *Rock* atau *Blues* dengan berteraskan kaedah aleatorik. Komposisi muzik yang menggunakan alat muzik klasikal tetapi memainkan gaya muzik moden seperti *Blues* amat pelik tetapi sangat menarik dan ini merupakan salah satu contoh konsep untuk komposisi saya. Selain itu, komposisi gaya muzik moden yang pada permulaannya di mulai dengan *Riffs* gitar dan kemudian diakhiri

dengan irama *Piano Sonata* juga adalah haluan alternatif menuju objektif komposisi saya. Komposisi ini akan menjadi penanda kreativiti yang dicetus daripada konsep aleatorik serta kebolehan konsep-konsep ini berkerjasama melahirkan karya muzik yang luar jangka.

Proses Kreatif Artistik (Kritis & Intuitif)

Proses kreatif artistik yang berbentuk kritis bermaksud sebuah proses pengkaryaan yang sudah di rancang oleh pengkarya sebelum mula mencipta karya. Kebiasaanya, terdapat pertimbangan idea-idea kreatif dengan kaedah perbincangan dan penelitian sama ada idea kreatif tersebut boleh menepati kehendak serta keperluan terlebih dahulu sebelum pengkarya mencipta karya mereka. Seperti contoh, seorang perkarya yang pada awalnya sudah menentukan gaya muzik yang akan di cipta di dalam karya komposisi, ataupun pemilihan alat muzik yang akan di gunakan sebelum menulis notasi muzik.

Berbeza pula dengan proses kreatif artistik yang bersifat intuitif. Proses ini merupakan proses pengkaryaan yang *impromptu* ataupun tidak di rancang. Tidak ada pertimbangan serta penelitian dari segi idea-idea untuk menghasilkan karya. Boleh terjadi secara rambang atau tidak disengajakan. Seperti contoh karya-karya saya didalam kajian ini lebih tertuju kepada proses pengkaryaan yang bersifat intuitif selari dengan kaedah kajian saya iaitu aleatorik. Jadual di bawah ini adalah senarai karya komposisi yang saya hasilkan menggunakan dadu sebagai medium untuk konsep Aleatorik.

Jadual 1


Senarai karya kreatif yang dihasilkan untuk kajian ini

Tajuk Karya	Tema	Durasi (Minit)
<i>Aversion</i>	Instrumental (Strings Ensmble + Rhythm Section}	8:31
<i>Skeptic</i>	Instrumental (Cello Duo + Rhythm Section}	8:10
<i>Trinity Test</i>	Instrumental (Gitar solo)	5:21
<i>Punishment From Heaven</i>	Instrumental (Strings Ensmble + Rhythm Section}	9:30
<i>Girl From Linyi</i>	Instrumental (Strings Ensmble + Rhythm Section}	5:10
<i>The Paradox (Brain & Heart)</i>	Instrumental (Strings Ensmble + Rhythm Section}	5:48

Penciptaan 11 Keratan Melodi

Untuk kaedah penciptaan melodi ini, saya mula menulis 11 keratan melodi secara rambang. Setiap keratan mengandungi 4 bar melodi dan setiap daripada keratan tersebut saya labelkan dengan nombor 2 sehingga 12. Sebelum mencipta keratan melodi tersebut, saya telah tetapkan tanda nada bagi keratan melodi untuk *Aversion* dan *Skeptic*. Melodi-melodi ini terhasil daripada perasaan yang hadir dalam diri saya semasa proses mencipta. Seperti contoh, untuk karya 1, saya lahirkan perasaan “keengganan” atau pun tidak suka. Hal ini kerana perasaan ini selari dengan permasalahan kajian saya. Seperti yang saya sudah terangkan pada Bab 1, saya enggan terikat dengan proses penciptaan karya komposisi muzik yang konvensional. Penciptaan karya komposisi yang konvensional lebih mementingkan kualiti yang masih berada di dalam kotak fikiran serta hanya melihat sambutan daripada pendengar.

Begitu juga dengan *Skeptic*, semasa mencipta 11 keratan melodi 4 bar untuk karya ini, perasaan keraguan muncul di dalam diri saya. Saya rumuskan hal ini terjadi disebabkan perasaan ragu-ragu yang seringkali hadir ketika membuat pilihan di dalam sesuatu situasi. Perkara ini seringkali terjadi kepada diri saya, justeru itu saya mengambil peluang untuk salurkan perasaan ini dalam penciptaan karya saya. Sebelum mencipta keratan-keratan melodi ini, saya sudah pastikan sejak awal lagi bahawa saya akan mencipta karya komposisi yang berinspirasi perasaan yang berbeza. Kebanyakan lagu yang saya cipta sebelum ini membawa perasaan yang sangat konvensional seperti marah, sedih, dan kebencian. Namun begitu, untuk karya-karya komposisi di dalam kajian ini, saya mengambil pendekatan yang agak baru bagi diri saya.




Rajah 2. Menunjukkan 11 keratan melodi 4 bar yang sudah dilabelkan dengan nombor untuk *Aversion*



Rajah 3. Menunjukkan 11 keratan melodi 4 bar yang sudah dilabelkan dengan nombor untuk Skeptic

Begitu juga dengan karya *Girl From Linyi* dan *The Paradox (Brain & Heart)*. Melodi yang ada pada beberapa bahagian pada kedua karya ini saya perolehi daripada penghasilan 11 keratan melodi yang saya cipta sendiri. Masing-masing mempunyai karakteristik melodi yang dipengaruhi perasaan serta emosi saya ketika mencipta melodi-melodi tersebut.

Kebiasaannya, saya mencipta komposisi lagu bermula dengan melodi, dan kemudian disusuli dengan kord. Berbeza untuk kajian saya ini, saya telah mencipta melodi-melodi tanpa memikirkan tentang kord. Melodi yang saya cipta dengan menggunakan gitar akan saya rakam kedalam telefon bimbit saya agar tidak terlupa. Justeru, dalam kajian ini, saya juga telah merakam beberapa melodi-melodi yang begitu rambang. Tidak kira sama ada melodi-melodi tersebut berada didalam nada yang berbeza.



Rajah 4. 11 keratan melodi 4 bar yang sudah dilabelkan dengan nombor untuk The Paradox (Brain & Heart)



Rajah 5. 11 keratan melodi 4 bar yang sudah dilabelkan dengan nombor untuk The Girl From Linyi.

Notasi Graphic/Text

Terdapat pelbagai bentuk notasi *Graphic* dan *Text* yang sudahpun diperkenal sejak perkembangan muzik era 20th Century. Ada di antara komposer-komposer barat yang hanya menggunakan notasi muzik berbentuk simbol mahupun ayat dan tulisan nombor. Saya memilih untuk membuat notasi muzik berbentuk simbol kerana ianya lebih menarik dan kelihatan begitu abstrak pada karya *Trinity Test*. Saya juga sempat bertanyakan pendapat daripada beberapa orang sahabat yang berkerja sebagai *Graphic Designer* berkenaan simbol-simbol yang unik yang boleh saya masukkan kedalam komposisi.

Saya hanya menggunakan notasi *Graphic/Text* di dalam *Trinity Test* dan *Punishment From Heaven* sahaja. Notasi seperti ini adalah sebuah gabungan idea antara saya sebagai komposer dan pemuzik yang memainkan karya komposisi ini. Saya melukis simbol-simbol ataupun menulis perkataan sebagai panduan yang mewakili cara sesuatu alat muzik itu dimainkan.

Lakaran yang saya hasilkan untuk symbol pada karya *Trinity Test* adalah bagi menentukan perjalan karya dan terpulang kepada pemain untuk memainkan daripada perspektif beliau sendiri. Cara saya mencipta dan melukis simbol itu adalah dengan melihat daripada gaya bahasa badan daripada pemuzik. Semua ini akan berlaku secara spontan dan kemudiannya saya akan menyusun semula simbol-simbol tersebut menjadikan sebuah perjalanan komposisi yang mempunyai struktur tersendiri.



Rajah 6. Contoh panduan notasi *Graphic* yang diberikan kepada pemain

Pemilihan Alat Muzik (Highlighted Instrument)

Saya akui bahawa saya menghadapi dilema untuk memilih alat muzik yang berperanan sebagai watak utama di dalam karya komposisi *Skeptic*, *Trinity Test*, dan *The Paradox (Brain & Heart)*. Dengan itu, untuk menghadapi isu ini, saya telah senaraikan beberapa alat muzik yang mempunyai ciri-ciri kemampuan untuk memainkan sesebuah melodi. Proses yang bersifat intuitif ini merupakan sebuah cadangan daripada Dr. Kamarulzaman yang juga merupakan penyelia saya untuk kajian ini. Beliau mencadangkan kepada saya untuk menyenaraikan serta memilih alat muzik yang berupaya memainkan melodi berdasarkan notasi dari 11 keratan melodi yang sudah saya pilih melalui hasil daripada balingan dadu.

Walaupun bagaimanapun, setelah saya selesai menyenaraikan beberapa alat muzik era Klasikal dan era moden, pemilihan alat itu tidak bergantung kepada saya. Pemilihan itu saya serahkan sepenuhnya kepada medium penciptaan karya saya iaitu dua butir dadu. Proses ini sama seperti pemilihan daripada 11 keratan 4 bar melodi di mana saya telah labelkan setiap alat muzik yang saya telahpun senaraikan tadi dengan nombor 2 sehingga 12. Boleh rujuk gambar Rajah dibawah.

Saya senaraikan juga alat muzik yang tidak mampu menghasilkan pic seperti drum dan perkusi. Sekiranya hasil balingan dadu menunjukkan alat muzik yang tidak mampu menghasilkan pic dalam notasi melodi motif itu, maka ianya akan dimainkan dengan hanya mengikut corak ritma (*Rhythm Pattern*) melodi tersebut. Dari situ saya akan kembangkan melodi tersebut malah ianya tidak akan menjadi motif tetapi mungkin akan menjadi bahagian *solo* yang sudah di notasikan dan pemain hanya akan memainkan berdasarkan notasi.



2 - Viola	7 - Acoustic Guitar
3 - Guitar	8 - Cello
4 - Violin	9 - Piano
5 - Keyboard	10 - Bass Guitar
6 - Drum	11 - Percussion
	12 - Double Bass

Rajah 7. Menunjukkan senarai alat muzik yang sudah dilabelkan dengan nombor.

Cadangan & Kesimpulan

Melalui kajian dan persembahan Resital yang telah dibuat, saya dapati bahawa sememangnya penghasilan yang menggunakan pendekatan dan konsep yang bersifat Aleatorik ini masih perlu diperkenalkan secara meluas dan secara amnya, apatah lagi pada peringkat pengajian tinggi di negara ini. Melalui temu bual yang saya lakukan terhadap sesetengah pemuzik, rata-rata daripada mereka masih tidak peka serta tidak tahu langsung berkenaan konsep dalam kajian ini walhal mereka sebenarnya sudah pernah dan sering kali memainkan sebuah muzik yang berbentuk Aleatorik tanpa mereka sedari. Ada juga diantara pemuzik yang saya temu bual mengatakan bahawa muzik yang menggunakan pendekatan Aleatorik ini sangat tinggi dan mereka masih belum bersedia untuk memahami walaupun secara ringkas. Sekiranya pendekat seperti ini diperkenalkan pada peringkat awal pengajian, para pemuzik dan pengkarya di negara tidak akan mengalami satu kejutan budaya terhadap skop keluasan bidang muzik itu sendiri.

Selain itu, cadangan saya adalah untuk melatih lebih banyak bakal graduan pada peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam mencipta sebuah karya komposisi yang asli. Saranan ini saya pentingkan bagi memupuk semangat penghasilan karya kreativiti di usia yang muda tidak kira dalam bidang muzik mahupun bidang seni yang lain. Proses penghasilan karya menggunakan banyak pendekatan dalam penghasilannya salah satunya adalah seperti yang digunakan untuk kajian ini. Kreativiti seseorang juga mampu dikembangkan serta diperluaskan dengan penghasilan karya asli. Melalui karya asli juga, seseorang itu mampu menilai dan mengenal diri sendiri dengan lebih teliti serta lebih mendalam.

Kesimpulannya, kajian ini telah membawa saya untuk melihat serta menghasilkan sesuatu karya dari sudut pandang yang unik. Harapan saya juga adalah untuk lebih ramai lagi masyarakat di negara ini bersifat cakna dalam penghasilan sesebuah karya yang kreatif serta asli justeru lebih banyak lagi karya-karya yang terhasil dan mungkin satu hari nanti seni dalam negara kita akan berdiri setanding dengan negara luar.

Rujukan

- Bliss, H. (2022). *What is aleatoric music?*. MusicExpert.org.
- Carlile, S. (2012). Method in the madness: Pre-compositional techniques in modern music. *International Journal of Arts & Sciences*, 5(2).
- Changgan, R. (2012). *Muzik moden*. Blog Pengajaran dan Pembelajaran Dunia Muzik.
- Dodd, J. (2017). What 4'33" is. *Australasian Journal of Philosophy*. Taylor & Francis Online.
- Eksentrika. (2021). *Eksentrika: Arts and culture community*.
- Faryd, Z. (2015). *Pengenalan muzik klasik*. Slideshare.
- Hancock, H. (2022). *Aleatoric music explained: 5 examples of indeterminate music, a brief history of aleatoric music*. Masterclass.
- Hedges, S. A. (1978). Dice music in the eighteenth century. *JSTOR - Oxford University Press*.
- Hoogerwerf, F. W. (1976). Cage contra Stravinsky, or delineating the aleatory aesthetic. *International Review of the Aesthetics and Sociology of Music*. JSTOR, Croatian

- Musicological Society.
- Idrus, H. B. (2009). *Pengenalan muzik klasik barat*.
- Jahsonic. (2009). Aleatoric music, indeterminacy in music. *Art & Popular Culture*.
- Jensen, M. G. (2009). John Cage, chance operations, and the chaos game: Cage and the "I Ching." *The Musical Times*. JSTOR.
- JUICE Malaysia. (2016). Dig of this week: Goh Lee Kwang.
- LATADMIN. (2016). Interview with prolific artist Goh Lee Kwang.
- Marie, Y. (2012). What is chance or aleatoric music. *yonamariemusic.com*.
- Musfiroh, T. (2008). *Teori dan konsep bermain*. Universitas Terbuka.
- Nurchahyo, F. (2016). Faedah bermain dalam perkembangan kanak-kanak. *ResearchGate*.
- Puff, R. (2012). Aleatoric elements: From boxed to out-of-the-box notation in Finale.
- Rush, T. (2010). *Aleatoric music*. Music theory for musician & normal people by Toby Rush.
- Shultis, C. (1995). Silencing the sounded self: John Cage and the intentionality of nonintention. *JSTOR - Oxford University Press*.
- Stamp, J. (2013). Examples of experimental music notation. *Smithsonian Magazine*.
- Tikkanen, A. (2008). *Aleatory music*. Encyclopaedia Britannica.
- Toccata Studio. (2017). Ng Chor Guan.
- Truelove, S. (1998). The translation of rhythm into pitch in Stockhausen's Klavierstück XI. *Perspective of New Music*. JSTOR.
- Trythall, G. (1966). The necessity of new music. *Music Educators Journal*.
- Discografi
- 12Tone. (2017). *Making Music With Dice* [Video]. YouTube.
<https://www.youtube.com/watch?v=K6HcxAwLoY>
- 12Tone. (2020). *The Dice Game That Lets Anyone Be A Composer* [Video]. YouTube.
<https://www.youtube.com/watch?v=hQIRNKwbGw8&t=405s>
- Bannai Roo. (2013). *Autogen (Latvia) in Kuala Lumpur | Opening Act: Goh Lee Kwang* [Video].
- Feinbird. (2021). *K. Stockhausen - Klavierstück XI (Sheet+Audio)* [Video]. YouTube.
<https://www.youtube.com/watch?v=mMDdihXI98A>
- Found Sound Nation. (2017). *OneBeat 2015 Portrait - Ng Chor Guan* [Video]. YouTube.
https://www.youtube.com/watch?v=3Okg_Me5vvE&t=102s
- Musica Universalis. (2021). *How to Compose Music with Dice* [Video]. YouTube.
<https://www.youtube.com/watch?v=e5G5BwT9oYI&t=122s>
- Nahre Sol. (2020). *PREPARED PIANO 101* [Video]. YouTube.
https://www.youtube.com/watch?v=Yi_iefmmuu4
- pezzipez. (2007). *John Cage - 4'33" by David Tudor* [Video]. YouTube.
<https://www.youtube.com/watch?v=HypmW4Yd7SY&t=46s>
- Wellesz Theatre. (2013). *John Cage: Music of Changes (1951)* [Video]. YouTube.
https://www.youtube.com/watch?v=B_8-B2rNw7s&t=147s

Biografi

Farhan Izzudin James Narte adalah pelajar Ijazah Sarjana dalam bidang Muzik Komposisi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau memulakan perjalanannya di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), di mana beliau menyelesaikan pengajian Asasi sebelum meneruskan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Muzik (Komposisi). Beliau memilih gitar moden sebagai alat muzik utama. Meskipun menghadapi cabaran sepanjang pengajiannya, beliau terus bersemangat untuk mencapai kejayaan di peringkat sarjana.

Dr. Kamarulzaman bin Mohamed Karim merupakan Profesor Madya di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta menjawat jawatan Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Pengkomersialan. Beliau memiliki kepakaran dalam bidang penciptaan muzik, persembahan, serta pengajian Ghazal Melayu Johor. Dikenali dengan nama pentas Man Tabla, beliau aktif sebagai penggiat dan pengkarya muzik tradisional. Beliau memperoleh Diploma (2002) dan Ijazah Sarjana Muda (2005) dalam Komposisi Muzik dari UiTM, seterusnya melanjutkan pengajian Sarjana di Yogyakarta dan PhD di Surakarta. Beliau juga mengetuai Persatuan Ghazal Johor Malaysia (GHAJMAS).